

SPAD gantung lesen syarikat kendali Alisan Golden Coach

BH
25/12/16
ms 7

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menggantung lesen operasi Goldstar Express (M) Sdn Bhd, syarikat pengendali bas ekspres Alisan Golden Coach yang terbabit nahas di KM137.3 Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), semalam.

SPAD dalam kenyataan berkata, penggantungan yang berkuat kuasa serta merta itu adalah bagi menyasat tragedi yang mengorbankan 14 nyawa.

Katanya, penggantungan yang akan berakhir apabila penyiasatan pelbagai agensi selesai, dilaksanakan kerana bimbang dengan keselamatan penumpang yang memilih perkhidmatan syarikat terbabit.

"SPAD tidak akan bertolak ansur terhadap pelanggaran amalan keselamatan dan dengan tegas mengingatkan pengendali bas ekspres yang didapati bersalah mengabaikan as-

pek keselamatan akan berdepan tindakan undang-undang," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Malaysia (Maconas), Datuk Amarjit Singh Gill membidas SPAD yang didakwa gagal menguatkuasakan arahan pemasangan alat pengehad kelajuan pada bas ekspres.

"Selama ini terlalu banyak yang bercakap, tetapi tidak seiring dengan pelaksanaan. Selepas satu insiden berakhir, semua pihak kembali berada dalam zon selesa dan menunggu insiden berikutnya berlaku.

"Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai perlu memastikan perkara ini dilaksanakan segera dengan menjadikannya sebagai keutamaan," katanya dalam kenyataan.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAD, Mohd Azharuddin Mat Sah ketika dihubungi berkata beliau akan menyasarkan kepada kementerian untuk

memendekkan tempoh pemasangan alat pengehad kelajuan bagi bas ekspres dan persiaran sedia ada kepada sekurang-kurangnya tiga tahun berbanding lima tahun ketika ini.

Syarikat bas bantu mangsa

Di **Muar**, Ketua Penyelia Goldstar Ekspres Wilayah Selatannya, Steven Chong, 52, berkata pihak syarikat akan cuba membantu, terutama dalam menguruskan mangsa yang cedera dan urusan berkaitan pengendalian mayat mangsa yang terbabit dalam nahas itu.

"Selain itu, kita juga akan membantu urusan tuntutan insurans bagi setiap mangsa dan pada masa sama bersedia membantu urusan penghantaran jasad mangsa ke kampung halaman masing-masing," katanya ketika ditemui di pekarangan bilik mayat Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) Muar, di sini, semalam.